



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	PERHILITAN			

Cedera belakang badan selepas diserang depan rumah

Oleh Hasbi Sidek
am@hmetro.com.my

Seremban

Sakit bukan kepalang dialami seorang kanak-kanak perempuan berusia setahun tujuh bulan apabila mangsa parah digigit seekor kera buas.

Dalam kejadian jam 8.40 pagi kelmarin, bahagian belakang tubuh mangsa berlumuran darah selepas diserang haiwan liar itu di hadapan rumahnya di Taman Dusun Nyior di sini.

Difahamkan kejadian berlaku ketika mangsa sedang bermain di halaman rumah bersama kakaknya sebelum diserang haiwan liar berkenaan.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun, berkata, kanak-kanak itu dikejarkan ke Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) Seremban.

"Pihak kami menerima aduan seorang wanita memaklumkan anak saudaranya cedera digigit kera di halaman rumah.

"Bertindak atas maklumat, tiga anggota Perhilitan bergegas ke lokasi kejadian. Sebaik tiba, kami mendapati kera jantan itu masih ada di atas pokok di seberang jalan dekat rumah

Kera buas gigit budak setahun

KEADAAN kecederaan di belakang badan mangsa.



keluarga mangsa.

"Kera jantan dewasa seberat lapan kilogram itu ditembak mati sebelum dibawa ke pejabat Perhilitan untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, siasatan pihak Perhilitan mendapati kera itu dipercayai tersesat ke kediaman penduduk. "Pihak

kami tak pernah terima laporan serangan haiwan itu di kawasan itu sebelum ini.

"Mangsa masih ditahan di wad hospital bagi rawatan lanjut. Ketika ini kami belum dapat maklumat keadaan mangsa dan akan jumpa dengan keluarganya.

"Pihak Perhilitan akan membantu keluarga mangsa memohon bantuan menerusi tabung serangan binatang buas," katanya.

HM, 23 Sept
2021_8

